

Newspaper	Sinar Harian
Date	31 August 2015

Dr Mahathir sudah tidak konsisten

Sinar Harian - 31/8/2015

SUNGAI BESAR – Menteri Komunikasi dan Multimedia, Senator Datuk Seri Dr Mohd Salleh Said Keruak menyifatkan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyertai perhimpunan Bersih 4.0 di Kuala Lumpur, petang kelmarin sebagai menyokong perhimpunan haram dan memberigalakan tidak sihat kepada masyarakat.

Beliau berkata, kehadiran Dr Mahathir pada perhimpunan itu sebagai tidak konsisten dengan kenyataannya ketika menjadi perdana menteri.

“Ini bererti Dr Mahathir sudah berubah pendirian. Saya masih ingat pada tahun 1998 bila banyak demonstrasi pada ketika itu, beliau membuat

“**Saya masih ingat pada tahun 1998 bila banyak demonstrasi pada ketika itu, beliau membuat kenyataan budaya berhimpun ini adalah budaya asing.**”
- Mohd Salleh

kenyataan budaya berhimpun ini adalah budaya asing.

“Sebagai seorang patriotik, sepatutnya beliau tak boleh berbuat demikian. Walaupun beliau di situ 10 minit, tetapi beliau menggalakkan budaya seperti ini, ini bukan budaya kita,” katanya.

Beliau ditemui pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan



Mohd Salleh memukul gendang sambil diperhatikan kepimpinan Umno bahagian pada Majlis Perasmian Mesyuarat Umno Bahagian Sungai Besar di Dewan SMK Sungai Besar.

Umno Bahagian Sungai Besar, di Dewan Sekolah Menengah

Kebangsaan (SMK) Sungai Besar; semalam.

Mohd Salleh, menegas-

kan, meskipun Malaysia mengamalkan sistem demokrasi, namun turun ke jalan raya un-

tuk tujuan demonstrasi bukanlah penyelesaian bagi setiap masalah.

“Kita bebas memberikan pendapat dan pandangan, tetapi kita tak boleh menggalakkan rakyat mengadakan demonstrasi sedemikian.

“Bayangkan jika anak kecil dibawa ke situ, tidur di merata-rata tempat seperti di tengah jalan dan tepi kedai, apakah ini budaya kita? Kenapa kita masukkan satu budaya yang asing pada kita?

“Sepatutnya kita sama-sama raikan hari merdeka bukan sahaja pada hari esok (hari ini), tetapi sebelum kemuncaknya kita raikan suasana yang melambangkan negara ini negara yang kita bangga,” katanya.